

01/09/2002

SPR akan siasat semua dakwaan

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan membuat siasatan terperinci berhubung semua dakwaan mengenai wujudnya kecurangan dan penyelewengan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dan Parlimen Pendang, Kedah, 18 Julai lalu.

Setiausahanya, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, ketika dihubungi semalam berkata, siasatan itu akan dibuat secepat mungkin dan SPR cawangan Kedah akan diarah mengkaji semua senarai pemilih berdaftar yang sah bagi tahun 1999, 2000 dan 2001.

Pada masa yang sama, beliau juga tidak menolak kemungkinan berlaku kecurangan oleh segelintir Penolong Pegawai Pendaftar (PPP) yang menjadi dalang di sebalik kejadian memindah pengundi ke kawasan lain.

"Saya tidak menolak kemungkinan berlaku penyelewengan kerana sebelum undang-undang pendaftaran pengundi baru (Peraturan Pemilih 2002), mengikut Peraturan-Peraturan Pendaftaran Pemilih (1971), pendaftaran seorang pemilih berdaftar boleh dilakukan oleh orang lain tanpa menggunakan kad pengenalan.

"Tetapi sejak SPR memperkenalkan pendaftaran pengundi sepanjang tahun, pendaftaran pengundi hanya boleh dibuat oleh empunya diri di semua kaunter di pejabat pos, menggunakan kad pengenalan dengan alamat pendaftar berdasarkan alamat di kad pengenalan," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan Umno bahawa semakan parti itu terhadap senarai daftar pengundi pilihan raya kecil Anak Bukit dan Pendang, Julai lalu, mendapati Pas menggunakan pengundi hantu untuk mendapat kemenangan di Anak Bukit.

Kelmarin, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, meminta SPR menjelaskan mengenai wujudnya dua senarai berlainan dalam daftar pemilih yang sama di Pendang dan Anak Bukit.

Dalam kenyataannya, Dr Mahathir berkata, semakan di empat peti undi pada pilihan raya kecil DUN Anak Bukit mendapati ada lebih 500 pengundi hantu iaitu mereka yang bukan dilahir dan bekerja di kawasan berkenaan.

Selain itu, Umno juga tidak berpuas hati kerana terdapat 1,359 nama pengundi dikeluarkan daripada senarai sah pemilih menjelang pilihan raya kecil itu dan meminta SPR menyemak semula senarai daftar pemilih di seluruh negara kerana terdapat nama pengundi dari Sabah dan Sarawak dipindahkan ke sini, termasuk di Anak Bukit.

Wan Ahmad berkata, sebelum pelaksanaan Peraturan Pemilih 2002, 16 Julai lalu, pendaftaran pemilih boleh dibuat oleh wakil pemilih tanpa kehadiran pemilih, tanpa menggunakan kad pengenalan, tetapi dengan menyatakan alamat serta nombor kad pengenalan pengundi pada borang pendaftaran.

Beliau berkata, mengikut peraturan pendaftaran pemilih 1971, pendaftaran dibuat secara bermusim iaitu 42 hari dalam setahun. SPR sebelum ini melantik lebih 5,000 PPP sambilan dari pelbagai latar belakang setiap tahun bagi membantu kerja pendaftaran pemilih di kaunter sementara, di beberapa kawasan strategik di seluruh negara.

"Mengikut Peraturan Pemilih 2002, semua daftar pemilih akan dipamerkan kepada orang-orang ramai setiap tiga bulan. Mana-mana nama yang mempunyai dua alamat, secara automatik, kami akan mengambil alamat berdasarkan alamat terakhir dalam kad pengenalan," katanya.

Wan Ahmad berkata, semua daftar pemilih bagi pilihan raya di Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit adalah sah mengikut undang-undang dan sudah

diwartakan kepada orang ramai, Disember tahun lalu.

Katanya, sepanjang senarai daftar pemilih mula dipamerkan selama seminggu selepas diwartakan Disember lalu, SPR tidak menerima sebarang bantahan dari mana-mana pihak yang tidak berpuas hati terhadap senarai berkenaan.

Katanya, sekiranya, ada pihak yang tidak berpuas hati terhadap mana-mana senarai daftar pemilih yang ada, pihak terbabit boleh mengemukakan bantahan kepada SPR dalam jangka masa seminggu selepas senarai dipamerkan.

"Kalau ada bantahan, kami akan membuat siasatan dengan memanggil pihak yang membantah dan yang kena bantah untuk menunjukkan bukti, di situ juga kami akan memutuskan sama ada senarai nama yang ada sah atau sebaliknya.

"Kami memandang serius pandangan Dr Mahathir sebagai satu maklum balas dan kami yakin Perdana Menteri faham dengan masalah yang dihadapi SPR," katanya.